



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## ANALISIS KONSEP PERPADUAN KAUM DALAM NOVEL TERPILIH ABDULLAH HUSSAIN

ROSLI B IBRAHIM



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS YANG DIKEMUKAKAN INI BAGI MEMENUHI SYARAT  
UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2016



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## PENGHARGAAN

*Bismillahirrahmanirahim*

Alhamdulillah, syukur kehadrat Allah SWT kerana dengan keizinan-Nya pengkaji akhirnya telah berjaya menyiapkan tesis ini dengan jayanya, walaupun menghadapi pelbagai cabaran dan rintangan. Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan kesyukuran yang tidak terhingga kehadrat Ilahi kerana pengkaji berpeluang menjadi pelajar dan dapat menimba ilmu di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Sekalung budi dan terima kasih diucapkan kepada penyelia Dr.Talib b Samat kerana banyak memberi tunjuk ajar kepada saya serta memberi pendapat-pendapat yang membantu saya untuk menyiapkan tesis ini. Tidak dilupakan juga Prof.Mana turut sama memberi tunjuk ajar kepada saya. Tanpa bimbingan beliau tidak mungkin saya dapat menyiapkan tesis ini. Selain itu, jutaan terima kasih ditujukan kepada semua pensyarah khususnya di Jabatan Kesusastraan Melayu, kerana sudi berkongsi ilmu selama pengkaji berada di Fakulti Bahasa dan Komunikasi.

Jutaan terima kasih kepada kedua ibu bapa saya iaitu Hj.Ibrahim b Osman dan Hjh.Zainab bt Hj.Mohd Rukun kerana telah memberikan sokongan dan dorongan kepada saya selama ini. Sesungguhnya tanpa sokongan kedua-duanya saya pasti tidak dapat berdiri seperti hari ini. Ucapan terima kasih juga saya tujuarkan kepada adik-beradik saya iaitu Rosni, Roslan, Rosdi, Rosmawati dan Rosmaini kerana kata-kata semangat sehingga saya dapat menyiapkan tesis dengan jayanya.

Tidak dilupakan buat saudara Kamirun, sahabat yang paling banyak membantu dalam usaha saya untuk menyiapkan tesis ini. Tanpa saudara Kamirun belum pasti saya dapat menyiapkan tesis ini. Akhir bicara, pengkaji merakamkan penghargaan kepada semua yang telah terlibat secara langsung mahu pun secara tidak langsung dalam menyiapkan tesis ini. Semoga jasa baik dan bantuan yang diberikan hanya Allah SWT yang dapat membalasnya.

Sekian, Wassalam.

**Rosli b Ibrahim**  
**P20081000266**  
**Ijazah Doktor Falsafah Pend. Kesusastraan Melayu**  
**Fakulti Bahasa dan Komunikasi**  
**Universiti Pendidikan Sultan Idris**  
**Tanjung Malim**  
**Perak**  
**2016**





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
iv

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menganalisis konsep perpaduan kaum dalam novel terpilih Abdullah Hussain. Kaedah analisis teks secara kualitatif digunakan bagi menganalisis unsur perpaduan kaum yang terdapat dalam penulisan tokoh Sasterawan Negara ini. Dua novel yang digunakan sebagai subjek analisis dalam kajian ini ialah *Interlok* dan *Buih di Atas Air*. Teori Cerminan Masyarakat Lukacs telah digunakan sebagai landasan untuk melihat hubungan antara penulisan Abdullah Hussain di dalam kedua-dua novel tersebut dan perkaitannya dengan kehidupan masyarakat yang pelbagai latar belakang keturunan kaum dan budaya di Malaysia. Kajian ini mendapati pemilihan tema, plot dan watak dalam kedua-dua novel dapat mencerminkan latar belakang kehidupan sebenar masyarakat pelbagai kaum di Malaysia. Kedua-dua novel juga telah berjaya menonjolkan unsur perpaduan kaum dalam pelbagai aspek kehidupan harian seperti dalam suasana sosio-budaya, ekonomi dan politik masyarakat Malaysia. Kajian ini juga mencerminkan citra budaya masyarakat Malaysia yang pelbagai ini telah menyumbang ke arah kehidupan yang lebih harmoni dan bersatu padu dalam usaha membangunkan negara ini. Kesimpulannya, karya Abdullah Hussain bukanlah bercorak perkauman dan tidaklah cenderung untuk menyanjung sesuatu kaum sahaja serta memperkecilkan kaum yang lain. Implikasinya, kajian ini boleh dijadikan landasan kepada pihak panel penilai yang ingin membuat pemilihan karya sastera untuk digunakan dalam sesuatu tahap pendidikan di Malaysia.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
v

## ANALYSIS OF RACIAL UNITY CONCEPT IN SELECTED ABDULLAH HUSSAIN'S NOVEL

### ABSTRACT

The study aimed to analyse the concept of racial unity in selected Abdullah Hussain's novels. Texts analysis qualitative method was used to analyse elements of racial unity in novels written by the National Literature Laureate. Two novels used as subjects of analysis in the study were *Interlok* and *Buih di Atas Air*. Lukacs Theory of Sosial Image was used to look at the relationship between both Abdullah Hussain literary works and their correlation with the life of society with different racial and cultural background in Malaysia. The study found that themes, plots and characters in both novels reflect the real life image of multi racial Malaysian society. Both novels successfully showed the elements of racial unity in various aspects of life such as in the socio-cultural, economy and political setting. The study also reflects the image of multi-cultural Malaysian society has contributed to harmonious living and united towards the development of the nation. In conclusion, Abdullah Hussain literary works were not towards racism and not inclined towards praising a specific race and belittle other races. The implications, the study can be used as the platform for any evaluation panel to search for literary works to be used in various level of education in Malaysia.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun

ptbupsi  
v

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
v



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
vi

## KANDUNGAN

<b>Muka surat</b>	ii
<b>PERAKUAN KEASLIAN</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSRTAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>KANDUNGAN</b>	vi

## BAB 1 PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	6
1.3 Objektif Kajian	13
1.4 Persoalan Kajian	14
1.5 Kepentingan Kajian	14
1.6 Batasan Kajian	18
1.7 Definisi Operasional	22
1.7.1 Konsep Perpaduan Kaum	23
1.7.2 Konsep Masyarakat Majmuk	26
1.7.3 Konsep Citra Budaya	31
1.8 Rasional Kajian	35
1.9 Penutup	38



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	39
2.2 Tulisan dan Kajian Lepas	40
2.3 Penutup	54

## BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	55
3.2 Teori Formalistik	58
3.3 Konsep Teori Formalistik	59
3.4 Aplikasi Teori	62
3.4.1 Tema	62
3.4.2 Plot	67
3.4.3 Watak dan Perwatakan	71
3.5 Konsep Teori Cerminan Lukacs	80
3.6 Ciri-ciri Teori Lukacs	90
3.7 Aplikasi Teori	93
3.8 Latar Belakang Abdullah Hussain	96
3.9 Novel Terpilih Untuk Kajian	105
3.10 Analisis Data	129
3.11 Penutup	130





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
viii

## BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	131
4.2	Tema,plot,watak dalam karya terpilih	132
4.2.1	Tema	133
4.2.2	Plot	144
4.2.3	Watak dan Perwatakan	163
4.2.3.1	Seman	164
4.2.3.2	Ching Huat	168
4.2.3.3	Maniam	171
4.2.3.4	Nordin	184
4.2.3.5	Lulu	190
4.2.3.6	Datuk Seri Kudus	196
4.2.3.7	Suzie	201
4.3	Citra Budaya Dalam Interlok dan Buih di Atas Air	206
4.4	Unsur Perpaduan Kaum Dalam Novel Terpilih	226
4.5	Hubungan Tidak Harmonis dalam Karya Terpilih	262

## BAB 5 PENEMUAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	282
5.2	Cadangan	286
5.3	Kesimpulan	301

## BIBLIOGRAFI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## BAB 1

### PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

#### 1.1 Pengenalan

Kesusasteraan bukan sahaja mempunyai hubungan yang amat rapat dengan masyarakat bahkan turut melibatkan diri dengan sastera tidak terkecuali pengarang (Mohamad Mokhtar Hassan 1995:13). Oleh itu sebuah karya sastera akan membicarakan apa yang berlaku dan apa yang ditemui pada sesuatu masyarakat. Dalam karya sastera, pengarang akan mengemukakan sikap dan pandangan mereka. Kerana keindahannya itu, karya sastera juga dianggap sebagai ciptaan seni yang menggunakan bahasa sebagai alat perantaraannya.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Maksudnya setiap ciptaan atau karya sastera akan disampaikan melalui bahasa. Ini berbeza dengan karya-karya seni yang lain seperti seni lukis, seni muzik, seni ukir dan lain-lain lagi. Jadi keindahan dalam setiap ciptaan seni dapat diperlihatkan melalui alat penyampaian masing-masing atau objek penelitian. Justeru itu, bagi karya atau ciptaan sastera, memperlihatkan kepentingan aspek bahasa sebagai alat penyampaian dan penyebaran. Melalui bahasa, pembaca dapat menikmati keindahan pada hasil seni dalam kesusasteraan. Mesej atau perutusan juga disampaikan melalui bahasa.

Kesusasteraan bukan sahaja boleh dilihat dari sudut estetikanya sahaja, malah boleh dilihat sebagai cerminan kepada sesebuah karya. Sesebuah karya yang diterbitkan adalah dari pengalaman hidup dan proses kreatif yang dilalui sendiri oleh pengarangnya.



05 Karya sastera akan memperkatakan apa yang berlaku atau apa yang ditemui dalam sesebuah masyarakat, dan seterusnya penulis akan mengolahkannya dengan memberikan pandangannya dan cara yang tersendiri supaya karya yang dihasilkan akan menjadi lebih menarik dan menjadikan bacaan yang lebih bermakna.

Abu Bakar Abdul Hamid (1992:1) mendefinisikan kesusasteraan sebagai suatu seni yang menggunakan kata-kata. Malah dianggap suatu proses komunikasi antara pencipta dan pembaca. Manakala Mana Sikana (1996:41) berpendapat kesusasteraan mempunyai nilai keindahan dan mencari hakikat kebenaran melalui aliran yang diyakini pada sesuatu zaman. Nilai keindahan dan hakikat kebenaran dikatakan mempunyai kaitan dengan persoalan dan akal budi.





Mengikut Sahlan Mohd Saman (2005:10), Rene Wellek dan Austin Warren (1966) bahawa sastera itu dapat memperlihatkan *world-view* sesuatu masyarakat dan mewakili masyarakat dalam ukuran yang lebih luas. Hubungan sastera dengan masyarakat ini disokong oleh W.S.Hudson yang menyatakan bahawa kesusasteraan tidak akan menjadi agung dan bermutu tinggi kiranya ia tidak menjelajahi alam masyarakat serta alam kehidupan manusia sedalam-dalamnya. Kenyataan-kenyataan menunjukkan hubungan yang rapat antara sastera dan masyarakat. Ini membolehkan sastera menjadi fungsi penting kepada masyarakat. Sejak zaman dahulu hingga ke hari ini penghasilan karya penting bagi sesuatu masyarakat.

Karya sastera yang menceritakan kepahitan hidup seorang watak dengan perbuatan tidak bermoral, mengakibatkan kecelakaan kepada orang, boleh menimbulkan simpati dan empati kepada pembaca untuk menghindarkan diri daripada perbuatan tersebut dan bertindak lebih bijaksana. Kerana itu kesusasteraan Melayu menjadi amat bersifat *functional*. Ini bermaksud kesusasteraan Melayu itu adalah kesusasteraan yang berfungsi. Ia lahir tidak secara bersahaja, melainkan dengan satu-satu tujuan yang khusus. Antara tujuan yang paling utama ialah untuk mengajar dan menghibur. Kewujudan kesusasteraan Melayu dengan dua fungsinya yang demikian dapat dilihat kebenarannya dari sifat masyarakat dan penglibatan penulis.

Masyarakat Melayu secara umumnya merupakan masyarakat yang lebih mementingkan kehidupan sederhana, tetapi kreatif, berbudi bahasa, terbuka dan sensitif. Kerana sifatnya yang demikian, maka masyarakat Melayu lebih terarah kepada





mengutamakan kerohanian daripada kebendaan. Ke arah memperbaiki dan memperkaya aspek inilah maka hasil kesusasteraan yang dicipta oleh penulis Melayu amat mementingkan unsur-unsur tersebut.

Secara keseluruhannya bolehlah disimpulkan bahawa kesusasteraan Melayu ialah suatu kesenian yang menggunakan bahasa sebagai alat penyampaian. Karya sastera Melayu merupakan salah satu cabang kegiatan seni yang terawal dan terpenting. Sebagaimana halnya dengan bahasa yang lahir serentak dengan kelahiran masyarakat untuk menjadi alat perhubungan, maka demikian juga halnya dengan karya kesusasteraan Melayu. Karya tersebut turut lahir bersama sebagai alat perhubungan dan pengucapan masyarakat. Bahan kesusasteraan dijadikan alat untuk menyatakan perasaan, keazaman,



05 keinginan, pengalaman dan pengetahuan masyarakat. Kerana ia adalah juga satu kesenian yang mementingkan kehalusan dan keindahan, maka kesusasteraan Melayu tadi menjadi alat perhubungan yang lebih berkesan untuk menyatakan segala-galanya itu. Di sinilah letaknya keistimewaan beberapa penulis karya kesusasteraan Melayu sejak beberapa dekad kebelakangan ini, termasuklah Allahyarham Abdullah Hussain, seorang penulis yang telah dianugerahkan sebagai Sasterawan Negara pada tahun 1996.

Abdullah Hussain telah dilahirkan pada 25 Mac 1920 di Sungai Limau Dalam, Yan, Kedah Darul Aman. Sebagai seorang penulis yang berpengalaman, Abdullah Hussain telah berjaya merakamkan pengalaman beliau yang pelbagai dan menarik itu ke dalam cerpen dan novel-novel karya beliau. Hasil kesungguhan dan kegigihan beliau berkarya, maka novel terbaru beliau iaitu *Imam* telah terpilih memenangi Hadiah Sastera





Malaysia 1994/95, dan sebelum itu novel yang sama telah berjaya menggondol hadiah “ Hadiah Novel Nasional ” (mengingati Pak Sako), 1992/94, yang dianjurkan bersama oleh Syarikat Utusan Melayu dan Public Bank Berhad. Puncak dari segala-galanya itu ialah, apabila Abdullah Hussain dinobatkan sebagai Sasterawan Negara yang kelapan dalam tahun 1996. Sebelum itu Abdullah Hussain telah terpilih menerima anugerah *S.E.A.*

Selain mendapat pengiktirafan tertinggi dalam bidang penulisan kreatif, Abdullah Hussain juga telah dianugerahi Pingat Jawa Hukom Ngon Adat Lembaga Kebudayaan Aceh (LAKA) 1995, dan bersempena hari ulang tahun keputeraan Sultan Kedah, beliau telah dianugerahi Darjah Kebesaran Dato’ Setia Diraja Kedah (DSDK)



Abdullah Hussain mempunyai riwayat hidup yang sangat luas dan kaya serta beragam. Beliau merupakan seorang penulis yang dapat memahami jiwa rakyat. Segala pengalaman dan pemerhatian dalam kehidupan seharian membolehkan beliau melahirkan hasil penulisannya yang mengandungi berbagai-bagai tema untuk dijadikan sebagai rujukan pembaca. Oleh yang demikian kajian terhadap penulis ini amat perlu dijalankan bagi menjelaki perkembangan sasterawan ini dan sumbangannya terhadap bangsa dan negara.





Abdullah Hussain penerima Anugerah Sasterawan Negara yang kelapan iaitu pada tahun 1996 merupakan seorang pengarang yang tidak pernah kekeringan idea. Bakat kepengarangan beliau mengalir ke dalam pelbagai genre iaitu novel, cerpen, eseи, kritikan sastera, puisi, terjemahan, biografi dan autobiografi. Abdullah Hussain yang telah menempuh pelbagai pengalaman dalam bidang sosial, ekonomi, politik, keselamatan, media massa, penerbitan dan perfileman telah menumpahkan segala-galanya melalui karyanya, sama ada melalui pendekatan konvensional mahupun yang diperkasakan dengan ciri-ciri keislaman. Pada hakikatnya Abdullah Hussain ialah pengarang yang mementingkan nilai agama, moral dan budaya warisan bangsanya dalam kebanyakkan karyanya. Oleh itulah kajian ini memfokuskan kepada konsep perpaduan yang telah dikemukakan dalam dua karyanya iaitu *Interlok* dan *Buih di Atas Air*.



## 1.2 Pernyataan Masalah

Sastera adalah salah satu cabang ilmu pengajian umum. Sastera mempunyai peranan tersendiri dalam mengisi matlamat negara tersebut. Ini seperti yang dikatakan oleh A.Rahman Embong:

Bahasa,budaya dan sastera adalah komponen subjektif yang merupakan unsur sesuatu bangsa. Ia boleh memainkan peranan sebagai pemersatu dan sebagai ramuan yang tidak boleh tiada untuk membina kesedaran kolektif, membentuk bangsa dan mencorakkan destininya. Bahasa,budaya dan sastera amat penting





bagi sesuatu bangsa untuk mengukuhkan dan meningkatkan martabatnya dalam komuniti bangsa-bangsa yang merdeka dan berdaulat di dunia.

(A.Rahman Embong :2000:53)

Rusuhan kaum 13 Mei, 1969 di Malaysia memberi petanda bahawa hubungan etnik di negara ini adalah rapuh. Untuk menanam sikap kesatuan dan perpaduan, banyak dasar kerajaan telah dilaksanakan. Namun kegagalan dalam mencapai perpaduan yang utuh dalam kalangan masyarakat ini masih merupakan cabaran yang besar perlu dihadapi oleh pihak kerajaan. Pihak lain juga cuba untuk merapatkan perbezaan kaum dalam masyarakat di negara ini, termasuklah penulis-penulis karya sastera. Kemunculan penulis begini sebenarnya tidak ramai, tetapi timbul juga persoalan adakah mereka benar-benar



memperjuangkan wadah penyatuan masyarakat atau sekadar menyentuh kehidupan pelbagai kaum di negara ini.

Pemahaman dan penghayatan semangat perpaduan bangsa sebenarnya tidak terbatas kepada saling mengenali dalam kalangan antara kaum di Malaysia sahaja, akan tetapi ia menuntut pemahaman yang lebih mendalam terhadap budaya sesuatu kaum, agama anutan, dan falsafah kaum tersebut. Dalam hubungan inilah karya sastera sepatutnya memainkan peranan di dalam negara Malaysia. Masalahnya sejauh manakah karya-karya sastera yang dihasilkan dapat menanamkan semangat itu.

Bersesuaian dengan masyarakat berbilang etnik dan bangsa, peranan karya-karya sastera diharapkan dapat membantu proses perpaduan kaum. Peranan karya-karya sastera





membolehkan proses perpaduan masyarakat boleh berlaku tanpa menghadapi masalah besar. Peranan karya sastera amat besar bagi merealisasikan hasrat kerajaan untuk menyatukan rakyat Malaysia dengan menjadikan satu budaya dalam kalangan masyarakat berbilang kaum.

Walaupun secara luaran dilihat masyarakat majmuk di Malaysia hidup dalam keadaan harmoni, namun perselisihan faham antara kaum masih wujud dan terus berlaku. Mengapakah perkara-perkara seumpama ini masih berlaku kalangan generasi mutakhir ini. Adakah kerana kurang pendedahan, kurang pergaulan antara satu sama lain atau pun sikap mementingkan diri sendiri. Sebagai sebuah negara yang memiliki komposisi penduduk yang terdiri daripada kepelbagaian budaya dan bangsa, hubungan harmoni



sesama kaum ini akan memperkuuhkan lagi kedaulatan dan pembangunan negara.



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



Masalahnya ialah adakah karya sastera dapat membantu kerajaan menangani isu ini.

Ekoran dari peristiwa 13 Mei 1969 iaitu rusuhan kaum yang menjadi titik hitam negara, kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah atau dasar sosial, ekonomi dan politik ke arah pewujudan dan pengukuhan perpaduan kaum. Pelbagai kaedah dan proses pemantapan perpaduan yang dilaksanakan oleh kerajaan. Antaranya ialah menerusi pembacaan. Kesusasteraan dikatakan dapat menjadi satu alat penghubung antara masyarakat majmuk di Malaysia. Untuk membantu meningkatkan lagi hubungan perpaduan kaum, karya-karya yang berkisar tentang pelbagai kaum pastinya akan dapat membantu merapatkan lagi hubungan yang sedia ada sebelum ini. Banyak cerpen dan





novel yang telah diterbitkan berkisar masyarakat majmuk di Malaysia. Namun adakah dua novel Abdullah Hussain ini mengandungi unsur tersebut?

Antara novel yang banyak menceritakan hubungan kehidupan antara masyarakat Malaysia ialah *Interlok* dan *Buih di Atas Air*. Kedua-dua novel telah menonjolkan budaya kehidupan masyarakat di Malaysia, khususnya pergaulan antara masyarakat Melayu, Cina dan India. Persoalannya adakah karya Abdullah Hussain tersebut berjaya mempamerkan unsur-unsur dalam kehidupan masyarakat berbilang kaum yang dapat meningkatkan perpaduan antara mereka.



Terdapat karya-karya sastera di negara ini banyak menjurus ke arah menceterakan Perjuangan sastera lebih ke arah kehidupan yang harmoni dan juga menerapkan rasa kemanusiaan dan membentuk tamadun bangsa. Perkara ini boleh dilihat dan didapati melalui hasil karya pengarang besar seperti Ishak Haji Muhammad ( Pak Sako), Keris Mas, Usman Awang, Shahnnon Ahmad, Abdullah Hussein, S. Othman Kelantan, Anwar Ridhwan, Kemala, Azizi Haji Abdullah dan Baha Zain. Pelbagai tajuk dan tema berkaitan dengan masyarakat Malaysia telah dilahirkan. Tidak terkecuali ialah penulis Sasterawan Negara Abdullah Hussain. Antara tajuk novel Abdullah Hussain yang paling banyak menyentuh pelbagai isu masyarakat majmuk di Malaysia ialah *Interlok* dan *Buih di Atas Air*. Oleh itu kajian ini lebih berminat untuk menganalisis kedua-dua buah karya tersebut dari persektif perpaduan kaum.





Jarang sekali karya sastera mendapat perhatian meluas daripada masyarakat umum di negara ini seperti diperoleh novel *Interlok* karya Sasterawan Negara Datuk Abdullah Husain, tetapi malangnya atas sebab yang salah. Pengkaji sastera, Dr Mohd Hanafi Ibrahim ( *Berita Harian: 20 Disember 2010* ) berkata keistimewaan *Interlok* adalah kerana ia mengisahkan bangsa Melayu, Cina dan India yang dibina secara terpisah dan diceritakan dalam bentuk mozaik, tetapi menjurus kepada pertemuan penyatuan bangsa seperti dalam bab akhir. Seterusnya Dr Mohd Hanafi Ibrahim juga berpendapat ;

Plot *Interlok* dibina dengan jurang perbezaan bangsa yang luas berbentuk fragmen sehingga ia boleh dianggap sebagai mozaik budaya, tetapi jurang berkenaan dikecilkan lalu berjaya memperlihatkan persefahaman bangsa.

Di sebalik watak dan nilai negatif yang ditunjukkan pengarang, novel ini menonjolkan watak positif untuk memberi keseimbangan dan memperlihatkan nilai terbaik bangsa di manfaatkan untuk perpaduan kaum



( Berita Harian: 20 Disember 2010)

Oleh yang demikian kajian yang lebih terperinci perlu dilakukan bagi memperkuuhkan pendapat Mohd Hanafi ini. Pendapat yang dikemukakan oleh Mohd Hanafi perlu diambil kira dan tidak boleh dibiarkan begitu sahaja.

Budaya dan perbezaan agama antara Islam dan bukan Islam sepatutnya bukan dijadikan halangan dalam perhubungan antara masyarakat pelbagai bangsa dan agama di Malaysia. Sebaliknya perkara ini perlu dijadikan landasan untuk saling faham dan bertolak ansur antara satu sama lain. Seperti contoh, dalam agama Islam ada perkara yang





di halal dan tidak halal. Malah ada yang dibenarkan dan ada yang tidak dibenarkan dalam Islam. Perkara-perkara yang sebeginilah tidak boleh dianggap tidak penting dan seharusnya perlu diketahui dan dipelajari oleh masyarakat majmuk supaya tidak ada yang menyinggung perasaan masing-masing. Adakah unsur-unsur citra budaya yang ditonjolkan oleh Abdullah Hussain seharusnya dapat dimanfaatkan bersama, demi keharmonian perpaduan kaum? Isu ini perlu dijadikan bahan untuk dikaji dalam kedua-dua karya beliau.

Masyarakat majmuk di Malaysia terdiri dari pelbagai kaum. Negara ini mempamerkan keunikan masyarakatnya yang terdiri daripada pelbagai kaum yang mengamalkan pelbagai budaya dan menganuti pelbagai agama. Walaupun wujud kepelbagaian budaya dan agama, penduduk Malaysia diharapkan dapat hidup dalam suasana harmoni. Perpaduan dalam kepelbagaian ini kadang-kala dicerminkan dalam perayaan-perayaan kaum yang didasarkan kepada amalan agama atau adat resam mewakili kaum-kaum berkenaan yang diraikan khusus oleh kaum-kaum tersebut. Oleh kerana Malaysia mempunyai penduduk yang berbilang kaum dan pelbagai budaya maka pastilah terdapat pelbagai perayaan yang diraikan. Perayaan-perayaan seperti Hari Raya, Tahun Baru Cina dan Deepavali akan dikongsi dengan kaum-kaum lain melalui amalan ziarah-menziarahi atau menghadiri rumah terbuka. Adakah unsur-unsur ini ditonjolkan dalam karya-karya sastera, khususnya dalam karya terpilih Abdullah Hussain?

Selain dari perayaan-perayaan yang dialami oleh masyarakat majmuk, kaedah yang sesuai ialah melalui pembacaan. Pembacaan berdasarkan kesusasteraan akan





membolehkan masyarakat yang terdiri dari berbagai budaya akan dapat menjiwai budaya yang berbeza. Bagi tujuan memudahkan perpaduan kaum, novel-novel yang bertemakan perpaduan kaum akan dapat membantu memperkuuhkan perpaduan kaum. Melalui bacaan, pembaca akan mudah mendapat maklumat serta memahami setiap kebudayaan dan cara hidup setiap masyarakat itu. Persoalannya, adakah kedua-dua buah novel Abdullah Hussain sesuai untuk dibaca dan dikongsi bersama masyarakat pelbagai.

Malaysia merupakan sebuah negara majmuk yang mempunyai rakyat pelbagai bangsa dan budaya. Kepelbagaian kaum yang terdapat di Malaysia boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan masyarakat terbesar, iaitu Melayu, Cina dan India. Selain daripada tiga kumpulan besar ini, terdapat juga kaum-kaum lain di Malaysia antaranya kaum



05 Bumiputera dan golongan Peranakan (Che Su Mustaffa dan Rasilah Mohd Rosdi, 2005:1).

Karya Abdullah Hussain memang menggunakan watak-watak pelbagai kaum ini bagi menggerakkan temanya. Persoalannya sejauh manakah Abdullah berjaya menggunakan watak-watak dalam dua novelnya tersebut ke arah perpaduan kaum ini?

Sifat masyarakat Malaysia yang multikultural merupakan suatu hakikat yang wujud dalam masyarakat moden pada hari ini sehingga memerlukan setiap ahli masyarakat mengambil langkah untuk saling mengenali dan menyesuaikan diri antara satu sama lain. Dalam hal ini, prinsip kemajmukan dalam masyarakat perlu ditanam dalam diri setiap individu sejak dari kecil demi mengekalkan keharmonian dan saling menghormati antara kaum yang akhirnya membolehkan keamanan negara mampu dikekalkan sepanjang masa. Prinsip tersebut sewajarnya diterapkan dalam sistem





kesusasteraan negara kerana sekolah merupakan ruang fizikal yang paling sesuai untuk diterapkan mengenai asal usul, sejarah dan hala tuju negara kepada generasi muda (Samsudin Suhaili, 2008:81-83).

Sebagai kesimpulan, persoalan yang ditimbulkan berkaitan karya yang telah dihasilkan oleh Abdullah Hussain menjadi penjana idea untuk dikaji secara mendalam menggunakan teori sastera yang bersesuaian. Oleh yang demikian kajian ini telah menggariskan tiga objektif yang perlu dicapai seperti yang akan diuraikan pada bahagian seterusnya tesis ini.



Kajian ini bertujuan menganalisis dua karya Abdullah Hussain menggunakan teori cerminan masyarakat bagi mencungkil unsur perpaduan kaum yang terdapat di dalam tema, watak dan latar setiap karya tersebut. Bagi mencapai matlamat tersebut, kajian ini menggariskan tiga objektif yang akan dicapai iaitu;

- i. Menganalisis unsur-unsur perpaduan kaum yang terdapat dalam novel-novel Abdullah Hussain.
- ii. Menganalisis aspek tema, plot dan watak dalam novel-novel Abdullah Hussain yang berkaitan unsur perpaduan kaum.
- iii. Menganalisis citra budaya masyarakat Malaysia pelbagai kaum dalam novel-novel Abdullah Hussain.





## 1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif tersebut kajian yang dilakukan ini diharapkan akan menjawab soalan-soalan yang berikut;

- i. Apakah unsur-unsur perpaduan kaum yang terdapat dalam novel-novel Abdullah Hussain?
- ii. Apakah aspek tema, plot dan watak dalam novel-novel Abdullah Hussain yang dikaji?
- iii. Apakah citra budaya masyarakat Malaysia dalam novel-novel Abdullah Hussain?



## 1.5 Kepentingan Kajian

Chambers' Encyclopedia (1973: 671) memberi definisi "*nation building*" sebagai;

*"a collective noun and may safely be agreed to connect a group of people possessed of certain distinctive characteristics, real or imagined, and united or certain special ties, sentimental, political or both. This group must be of substantial size ... a society united under one government in a political state"*

Dalam erti kata lain, negara bangsa itu merupakan satu proses melahirkan bangsa baru, yakni negara yang mempunyai kedaulatan di mana semua rakyatnya disatukan oleh ikatan-ikatan seperti bahasa, budaya, nilai-nilai dan lain-lain yang membentuk bangsanya.





Tujuan utama pembinaan bangsa itu adalah untuk melahirkan taat setia dan perpaduan terhadap sesuatu pertubuhan bangsa itu.

Zulhilmi Paidi dan Rohani Abdul Ghani (2003: 35-36) pula berpendapat bahawa negara bangsa merupakan gabungan tiga komponen utama, iaitu negara, individu dan bangsa, selain daripada tiga syarat utama. Pertama kehidupan masyarakat dalam negara tersebut bersatu padu tanpa berlaku sebarang pemisahan atau diskriminasi. Masyarakat tidak dibezakan atas dasar perkauman atau perbezaan kepercayaan, bahasa, kebudayaan, jenis pekerjaan, penempatan atau apa juga sebab yang boleh membawa kepada perpecahan dan huru hara. Kedua penduduk dan rakyat negara itu juga mestilah berkongsi pegangan kepada suatu ideologi yang sama dan ketiga, penduduk juga haruslah



05



mempunyai



Perpustakaan Tuanku Bainun



Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



dan undang-undang negara. Selain itu, terdapat lima faktor yang menjadi pemangkin kepada pembinaan sebuah negara bangsa, iaitu integrasi, nasionaliti, nasionalisme, patriotisme dan demokrasi.

Oleh itu, dapat dikatakan bahawa usaha membina bangsa memerlukan proses menyatukan unsur-unsur penting seperti bahasa, budaya, politik, tujuan dan wawasan yang dipersetujui bersama, perpaduan, ketaatan dan dedikasi terhadap negara itu sendiri. Maka, pembinaan negara bangsa adalah proses atau kontinum yang berterusan dan tidak ada titik tamatnya (Chew Fong Peng, 2004: 141). Secara ringkasnya, ia mencerminkan keinginan negara untuk mencipta kesatuan, integrasi dan identiti nasional daripada keadaan berpisah dan tidak integratif (Tham Seong Chee, 1983: 2).





Wawasan 2020 yang dikemukakan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia Tun Dr.Mahathir Mohamad di dalam Majlis Perdagangan Malaysia di Kuala Lumpur pada 28hb Februari 1991, merupakan satu langkah murni, positif dan dinamik untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang terkenal di dunia. Perpaduan nasional adalah salah satu teras kepada kekuatan Malaysia. Melalui perpaduan yang kukuh dan rakyat yang berbilang kaum, etnik, agama, budaya dan bahasa, maka cita-cita negara seperti yang dinyatakan dalam Wawasan 2020 di harapkan akan tercapai.

Konsep pembinaan negara bangsa menjadi semakin jelas dalam ucapan mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad di Majlis Perniagaan Malaysia pada 29 Februari 1991, atau lebih dikenali sebagai Wawasan 2020 (Cheah Boon K.heng, 2005:



05 93).83

Beliau menegaskan u.cabaran pertama dan paling asas dalam usaha menjadikan

Malaysia negara maju mengikut 'acuan sendiri' menjelang tahun 2020 ialah pembinaan bangsa Malaysia yang bersatu padu serta menyanjung masa hadapan yang dikongsi bersama dan menumpukan taat setia dan pembinaan bangsa Malaysia yang bersatu padu serta menyanjung masa hadapan yang dikongsi bersama dan menumpukan taat setia dan pengabadian yang tidak berbelah bagi terhadap bangsa tersebut.

Perpaduan juga tidak mudah dilaksanakan. Apatah lagi ianya melibatkan berbagai-bagai bangsa dan golongan seperti di negara Malaysia. Bagi memastikan suasana yang harmonis dapat diwujudkan serta masyarakat boleh mengamalkan satu budaya yang dapat diterima oleh semua bangsa maka banyak perkara yang perlu dilakukan. Untuk itu bukan sahaja pihak-pihak tertentu yang perlu memainkan peranan





bahkan kesemua rakyat Malaysia tidak terkecuali. Masing-masing boleh menjalankan peranan dan tanggungjawab demi negara yang tercinta tanpa prejudis dan tanpa diskriminasi.

Salah satu peranan yang penting ialah melalui pembacaan. Untuk mendapatkan sebarang bentuk pembacaan tidak menjadi masalah. Pembacaan mudah boleh didapati seperti keratan majalah, keratan akhbar mahu pun mana-mana iklan yang di letak merata-rata sudut. Selain itu, kerajaan telah menyediakan perpustakaan. Bagi mereka yang kurang mampu untuk membeli pelbagai buku boleh diperolehi dari perpustakaan. Salah satu pembacaan yang amat penting dan popular dalam bentuk novel dan cerpen. Selain murah, novel dan cerpen mudah didapati. Boleh dilihat berbagai novel dan cerpen



Dalam konteks inilah karya sastera menjadi wadah yang penting untuk merekodkan pelbagai hal yang menyentuh kehidupan masyarakat Malaysia di samping memancarkan sistem pemerintahan, ekonomi, budaya dan pendidikan sesuai dengan kedudukan masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan etnik. Masyarakat ini mengamalkan pelbagai budaya warisan dan menuturkan berjenis-jenis bahasa, sama ada secara lisan maupun penulisan. Atas dasar inilah sastera Melayu menjadi nadi utama dan diharapkan dapat memainkan peranan mengembalikan suasana kehidupan masyarakat di Malaysia.

